



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

## **Fakulti Syariah dan Undang-Undang Sesi Akademik 2014/2015**

### **Kertas Soalan Peperiksaan Supplement**

**Kod Kursus : SP 5307**  
**Nama Kursus : Undang-Undang Keluarga Islam**  
**Peringkat Kursus : Diploma Lepas Ijazah**  
**Masa : 3 jam**

**Rujukan Dibenarkan:**

**Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999**

**Arahan:**

Jawap lima soalan daripada soalan-soalan berikut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Soalan Pertama (10 markah)**

Perkahwinan menurut undang-undang ialah *“Perbuatan atau upacara berdasarkan penyatuan bersama yang mengwujudkan status perundangan dan sosial seorang suami dan seorang isteri. Penyatuan sukarela untuk seumur hidup seorang lelaki dan seorang wanita dengan menafikan orang-orang yang lain.”*

a) Sila terangkan definisi perkahwinan dari segi Bahasa dan Istilah.

(3 markah)

b) Di dalam Bab 10 Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217 memperuntukkan: *“Sesuatunya perkahwinan adalah tidak sah melainkan jika cukup semua syarat yang perlu, mengikut Hukum Syara’, untuk menjadikannya sah”* Salah satu rukun nikah itu ialah calon *Sighah*. Sila sebutkan syarat-syarat *Sighah*.

(4 markah)

c) Di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217, bab manakah yang menyatakan tentang pertalian yang melarang perkahwinan dan nyatakan peruntukan tersebut.

(3 markah)

**Soalan Kedua (10 markah)**

Di dalam surah Al-Baqarah ayat 232 Allah *Subhanahu Wata’ala* berfirman yang tafsirnya:

*“... Maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menahan mereka daripada berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka, apabila mereka (lelaki dan perempuan itu) bersetuju sesama sendiri dengan cara yang baik (yang dibenarkan oleh Syara’)”*

a) Siapakah wali hakim menurut tafsiran Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217?

(3 markah)

b) Nyatakan sebab-sebab berpindah wali.

(7 markah)

**Soalan Ketiga (10 markah)**

Bab 40 (1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217 memperuntukkan:

*“Jika sebarang pernikahan atau didapati bahawa sesebuah pernikahan itu bercanggah dengan Hukum Syara’, Mahkamah hendaklah menyiasat hal keadaan tersebut bagi memastikan sama ada pernikahan itu sah atau tidak mengikut Hukum Syara’”*

a) Berdasarkan peruntukan di dalam bab 40 (1) tersebut di atas, apakah permohonan yang boleh dibuat terhadap pernikahan atau sesebuah pernikahan yang didapati bercanggah dengan Hukum Syara’ di Mahkamah Syariah?

(4 markah)

b) Berikan satu (1) kes Permohonan Pengesahan Nikah.

(3 markah)

c) Sebutkan pembubaran perkahwinan di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217.

(3 markah)

**Soalan Keempat (10 markah)**

Mohd Fikri dan Azlina telah sabit bercerai pada tahun Jun 2000 tanpa Mohd Fikri mengetahui ketika itu Azlina telah mengandungkan anak kedua mereka. Setelah 4 tahun kemudian, Azlina membuat permohonan Hak Penjagaan Anak ke atas anak kedua yang dinamakan Nabilah Farhana binti Mohd Fikri dan menamakan Mohd Fikri sebagai Responden. Mohd Fikri terkejut dan tidak menyangka Azlina mengandung ketika perceraian berlaku dahulu. Azlina setelah dua tahun perceraianya dengan Mohd Fikri telah berkahwin baru dan mempunyai anak.

- a) Siapakah yang paling layak menjaga kanak-kanak yang belum mumaiyiz dalam masa masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinan dan apakah kelayakan-kelayakan yang perlu untuk penjagaan menurut peruntukan undang-undang di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217.

(5 markah)

- b) Merujuk kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217, terangkan situasi-situasi di mana hak hadhanah seorang wanita ke atas anaknya hilang.

(5 markah)

**Soalan Kelima (10 markah)**

*“Adalah saya Ahmad Farhan bin Abdullah dengan ini berta’liq iaitu jika isteri saya Norfarhanah binti Muhammad itu saya tinggalkan empat bulan atau lebih dan saya atau wakil saya tidak memberi kepadanya atau kepada wakilnya nafkah dan ia mengadu kepada Hakim meminta cerai, setelah ia bersumpah bahawa ia tidak derhaka (nusyuz) maka ketika itu tertalaqlah ia dengan satu talaq, atau jika saya ghaib atau dighaibkan dengan apa cara jua pun darinya selama enam bulan atau lebih dan ia mengadu kepada Hakim yang ia tidak tertunggu lagi akan saya, jika sabit aduannya maka ketika itu tertalaqlah ia dengan satu talaq atau jika saya pukul dengan pukulan yang menyakiti dan tidak patut kemudian ia mengadu kepada Hakim dan meminta bercerai, jika sabit aduannya maka ketika itu tertalaqlah ia dengan satu talaq”*

- a) Sila terangkan definisi *Ta’liq* dari segi Bahasa, Istilah dan Undang-Undang.

(5 markah)

- b) Di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217, bab manakah yang memperuntukkan perempuan yang bersuami boleh mendapat perceraian menurut syarat-syarat Sijil Ta’liq? Sila nyatakan peruntukan bab tersebut.

(5 markah)

**Soalan Keenam (10 markah)**

Amran telah berkahwin dengan Marisa pada tahun 2005 di Negara Brunei Darussalam. Perkahwinan telah menjangkau usia 7 tahun. Pada tahun 2010 Amran telah berkenalan dengan seorang warganegara Vietnam bernama Mary. Amran merancang untuk melamar Mary dan berkahwin dengannya di Vietnam tanpa pengetahuan isteri pertamanya. Amran memberitahu isterinya beliau ke Vietnam kerana berkursus selama setahun. Mary telah memeluk agama Islam dan dikenali sebagai Mariam. Amran dan Mariam telah berkahwin di Masjid Jamiul Muslimin, Ho Chi Minh City, Vietnam pada 12hb Disember 2012 berwalikan hakim. Perkahwinan Amran dan Mariam berlangsung tanpa kebenaran Pendaftar Bahagian Perkahwinan, Peceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang Islam, Daerah Brunei dan Muara. Amran telah membawa Mariam kembali ke Negara Brunei Darussalam 7 bulan selepas perkahwinannya.

- a) Apakah kesan yang bakal dihadapi oleh Amran akibat gagal mendapatkan kebenaran daripada Pendaftar menurut peruntukan undang-undang di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217.

(5 markah)

- b) Apakah hukuman bagi kesalahan seseorang yang berkahwin yang melanggar peruntukan Bahagian II (berhubung dengan perkahwinan) di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam.

(5 markah)

**Soalan Ketujuh (10 markah)**

Berikan tafsiran perkataan-perkataa berikut berdasarkan Bab 2 Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217:-

- a) Dharar Syar'ie  
b) Ila  
c) Nafkah

- d) Tidak Sah Taraf
- e) Pendapatan Tenaga
- f) Mas kahwin
- g) Harta Sepencarian
- h) Sesusuan
- i) Kanak-Kanak Yang Belum Cukup Umur
- j) Faraq

(10 markah)

بالتوفيق والنجاح